

24 - 25 OKTOBER
(SELASA-RABU) 8.30 PG. - 5.30 PTG.
HOTEL EDC, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PROSIDING

PERSIDANGAN ANTARABANGSA
BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU

RENTAS

2023

Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam
Ruang Keilmuan Kontemporari Merentas Disiplin

ANJURAN

Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (UBSBM)
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP)
Universiti Utara Malaysia (UUM)

DENGAN KERJASAMA

Dewan Bahasa dan Pustaka (Wilayah Utara), Universitas Andalas, Pejabat Pendidikan Daerah
Kota Setar, Jurnal RENTAS: Bahasa, Sastera dan Budaya (UUM), Jurnal Pendeta Universiti
Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Jurnal Issues in Language Studies (UNIMAS) dan Jurnal Arbitrer
(Universitas Andalas)

Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS) 2023

Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya
dalam
Ruang Keilmuan Kontemporari Merentas Disiplin

24-25 Oktober 2023

Editor:
Mohamed Nazreen Shahul Hamid
Zamimah Osman
Melor Fauzita Md. Yusoff
Khairul Faiz Alimi

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP)
Universiti Utara Malaysia

Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS) 2023

Hak Cipta © 2023 SLCP

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), UUM CAS, Universiti Utara Malaysia.

Editor: Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Zamimah Osman, Melor Fauzita Md. Yusoff & Khairul Faiz Alimi

E ISBN 978-967-26817-4-8

1. Bahasa
2. Sastera
3. Budaya
4. Pendidikan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS) 2023

e ISBN 978-967-26817-4-8



9789672681748

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) UUM

(online)

Diterbitkan oleh:

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia
06010, UUM Sintok,
Kedah, Malaysia

Tel: +604928 5707

Faks: +604928 5709

E-mel: slcp@uum.edu.my

Laman Sesawang: <https://slcp.uum.edu.my/>
<https://rentas2023.wixsite.com/utama>

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur kehadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Persidangan Antarabangsa Rentas 2023 berjaya dianjurkan buat kali ke-2. Persidangan antarabangsa yang dianjurkan secara dwitahunan ini pertama kali dianjurkan dengan mod persidangan hibrid. Penganjuran persidangan antarabangsa RENTAS Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2023 ini merupakan satu usaha Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah untuk menyemarakkan kegiatan penulisan dan penerbitan ilmiah serta membuka ruang kepada para cendekiawan dan para pelajar (khususnya pelajar pascasiswazah) untuk bersama-sama berkongsi pengetahuan berkaitan bahasa, sastera, budaya termasuk juga tamadun dan falsafah. Pemfokusan tema persidangan ini melihat ke arah penyelidikan pengetahuan bahasa, sastera dan budaya Melayu yang berkualiti dalam merealisasikan *Sustainable Development Goals (SDG)* iaitu SDG 4: *Quality Education* dan SDG 11: *Sustainable Cities and Communities*.

Alhamdulillah, Rentas 2023 telah berjaya menghimpunkan sebanyak 115 pembentang yang terdiri dalam kalangan penyelidik dan pelajar tempatan dan antarabangsa. Kertas kerja yang dikumpulkan berputar dalam tema persidangan yang memfokuskan penyelidikan bahasa, sastera dan budaya dalam ruang keilmuan kontemporari merentas disiplin. Kepada semua pembentang dan peserta, terima kasih kerana memilih Persidangan Antarabangsa Rentas 2023 sebagai medan perkongsian ilmu dan penyelidikan masing-masing.

Gerak kerja penganjuran persidangan yang bermula semenjak tahun 2021 telah menemui titik noktah. Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa RENTAS 2023 yang telah bertungkus-lumus merangka dan menjayakan persidangan kali ini. Cabaran dan halangan yang dihadapi berjaya juga kita atasi hasil kerja secara berpasukan tanpa jemu dan lelah. Syabas dan tahniah.

Terima kasih diucapkan kepada semua rakan kerjasama persidangan, terutama kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Utara, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar, *Jurnal Rentas: Bahasa, Sastera dan Budaya, Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature, Journal Issues in Language Studies* dan tiga jurnal terbitan DBP seperti *Jurnal Bahasa, Journal Malay Literature* dan *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.

Jutaan terima kasih atas bantuan dan sokongan kepada semua bahagian pentadbiran Universiti, Profesor Dr. Fo'ad Sakdan, Naib Canselor UUM; Profesor Dr. Russayani, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UUM; Pusat Penyelidikan dan Inovasi UUM; dan Pusat Teknologi Maklumat UUM. Penghargaan juga dizahirkan kepada pihak pengurusan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah atas kerjasama dalam menjayakan persidangan ini.

Khairul Faiz Alimi

Pengerusi

Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS) 2023

HATI BUDI MASYARAKAT MELAYU MENERUSI CERITA RAKYAT DI GUA MUSANG, KELANTAN

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan¹ & Mohd Firdaus Che Yaacob²

¹Universiti Malaysia Kelantan. sitinurulsuhadahadnan@gmail.com

²Universiti Malaysia Kelantan. Firdaus.cy@umk.edu.my

Abstrak

Cerita rakyat merupakan daya kreatif seorang penglipur lara dalam memberi amanat menerusi cerita tauladan. Penyampaian cerita rakyat bertujuan mendidik perwatakan anggota masyarakat agar tidak melanggar adat resam nenek moyang. Cerita rakyat digunakan oleh nenek moyang masyarakat Melayu terdahulu bagi menegur perlakuan yang dilakukan oleh setiap anggota komunitinya. Walau bagaimanapun, cerita rakyat kini dianggap sebagai sesuatu yang tidak seiring dengan perkembangan teknologi yang pada hari ini untuk disampaikan kepada anak-anak muda. Hal ini mengakibatkan penyampaian cerita rakyat kurang diketengahkan kepada anak-anak muda. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis hati budi masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat di Gua Musang, Kelantan. Kajian ini membataskan dua buah cerita iaitu *Syeikh Musa Pengasas Gua Musang* dan *Cantik Jangan Ditegur* bagi meneliti konsep hati budi masyarakat Melayu. Kedua cerita rakyat ini diperoleh di Gua Musang, Kelantan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan analisis yang jelas. Kajian ini menggunakan pendekatan moral sebagai deduktif kajian. Hasil kajian ini mendapatkan hati budi dalam cerita rakyat di Gua Musang, Kelantan memperlihatkan jati diri yang luhur dalam masyarakat Melayu.

Kata kunci: *Cerita Rakyat, Hati Budi, Masyarakat Melayu, Gua Musang, Pendekatan Moral*

PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan satu bentuk penyampaian tradisional yang digunakan oleh masyarakat Melayu bertujuan mendidik anak-anak mereka. Cerita rakyat kebiasaannya disampaikan oleh ibu bapa ketika berada di rumah (Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah, 2021). Penyampaian cerita rakyat dianggap sebagai altenatif yang berkesan untuk mendidik anak-anak tentang tatacara serta pergaulan sosial dalam komuniti. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Zaid Daud, Mary Fatimah Subet & Awang Azman Awang Pawi (2023) yang mentakrifkan cerita rakyat sebagai satu medium pendidikan yang dicipta bagi membentuk tingkah laku kanak-kanak ke arah lebih baik. Justeru itu, inti pati dalam cerita rakyat yang bermoral mengajar kanak-kanak untuk menghormati orang tua.

Selain itu, hati budi merupakan satu bentuk perangai manusia yang sentiasa berbuat kebaikan (Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet, 2020). Hal ini kerana manusia yang memiliki hati budi akan sentiasa menjaga tingkah laku dan pertuturnya. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang mendefinisikan hati budi sebagai rangkuman perasaan atau emosi manusia bagi menjaga hubungan baik dalam komuniti. Oleh itu, individu ini berusaha menjaga hubungan yang baik sesama anggota komuniti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu merujuk kepada kaedah kepustakaan dan lapangan. Kepustakaan merujuk kepada pengumpulan bahan-bahan ilmiah berbentuk buku, artikel dan sumber internet. Pengkaji membuat rujukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan Manakala, kaedah lapangan merujuk kepada pemerolehan cerita rakyat di Gua Musang, Kelantan. Pengkaji telah menemu bual Encik Abu Bakar Jusoh sebagai penglipur lara di Gua Musang, Kelantan. Sesi temu bual ini dijalankan pada tarikh 23 Jun 2022 tepat jam 11 pagi. Encik Abu Bakar dipilih kerana memiliki ilmu pengetahuan dalam sejarah asal usul di Gua Musang. Sebanyak dua buah cerita rakyat yang diteliti iaitu *Syeikh Musa Pengasas Gua Musang* dan *Cantik*

Jangan Ditegur. Pengkaji telah memilih cerita rakyat ini secara rawak untuk meneliti aspek hati budi masyarakat Melayu. Selain itu, teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral sebagai deduktif kajian agar analisis kajian lebih sistematik.

Teori Pengkaedahan Melayu

Teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) diilah kerana telah mengemukakan semua aspek kehidupan manusia seperti cara hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Melayu yang melahirkan karya sendiri. Melalui pendekatan moral, sastera dianggap kejadian dan objek, namun kejadiannya bukan berbentuk sesuatu kewujudan tentang peristiwa yang yang dilalui manusia sama ada positif atau negatif (Hashim Awang, 2002). Pendekatan Moral bersifat pengalaman hidup manusia meliputi kejiwaan, kepercayaan dan kebudayaan yang diterokai.

HATI BUDI MASYARAKAT MELAYU MENERUSI CERITA RAKYAT DI GUA MUSANG, KELANTAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis konsep hati budi dalam cerita rakyat di Gua Musang, Kelantan. Antara konsep hati budi yang diteliti ialah sikap kesopanan dan sikap saling menghormati.

Hati budi merupakan satu bentuk kesedaran yang dialami secara lahiriah dalam melakukan kebaikan (Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2015). Hal ini kerana seseorang manusia mampu memahami suatu kebenaran yang terjadi melalui pengamatan. Oleh itu, seseorang manusia mampu bertindak menggunakan akal fikiran yang waras. Penyataan ini disokong oleh Asmiaty Amat & Nor Suhaila Sulaiman (2023) hati budi turut disimpulkan sebagai keupayaan manusia dalam mengambil apa-apa tindakan setelah membuat pertimbangan yang wajar. Oleh sebab itu, seseorang manusia berusaha menerapkan nilai dan budi pekerti dalam kehidupannya. Rentetan itu, hati budi dijadikan cerminan jati diri manusia yang berwibawa.

Hati Budi Melalui Sikap Kesopanan

Kesopanan merupakan satu bentuk sikap yang mementingkan adab dan tatasusila dalam pergaulan sosial (Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2015). Hal ini disebabkan oleh seseorang manusia berusaha menjaga sikap terpuji ketika bergaul dengan anggota komuniti. Adab yang mulia dipandang tinggi oleh anggota komuniti setempat. Justeru itu, keharmonian hubungan sejagat mampu dikekalkan dengan sebaik mungkin.

Sikap kesopanan mampu dilihat pada tajuk cerita *Cantik Jangan Ditegur*. Sikap kesopanan jelas ditampilkan seperti petikan di bawah:

Petikan 1

Oleh itu, Sarjan Abu Bakar berpesan kepada anak buahnya untuk sentiasa menjaga perilaku dan tidak menegur sesuatu yang cantik.

(Abu Bakar Jusoh, 2022)

Berdasarkan petikan di atas, sikap kesopanan mampu dilihat pada watak Sarjan Abu Bakar. Sarjan Abu Bakar telah berpesan kepada anggota plantun untuk sentiasa menjaga perlakuan dan pertuturan. Setiap kata-kata yang dilontarkan adalah lembut dan berwibawa. Buktinya, semua anggota plantun di bawahnya bersetuju dengan pesanannya itu. Tambahan pula, perwatakan Sarjan Abu Bakar mementingkan disiplin amat disenangi bawahannya.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan moral memperlihatkan peristiwa yang berlaku mampu memberi kesan positif atau negatif kepada manusia. Hal ini memberi keyakinan yang mendalam kepada manusia untuk berkelakuan baik. Keyakinan ini menyebabkan manusia sentiasa menjaga kesopanan dan budi bahasa ketika bertutur. Petikan di atas membuktikan watak Sarjan Abu Bakar menjaga pertuturnya dengan cara memberi pesanan secara berhemah. Hal ini membuatkan anggota plantunnya tidak berkecil hati ketika mendengarkan pesanan itu. Rentetan itu, anggota plantunnya mampu bertindak mengikut arahan seperti yang diberikan.

Hati Budi Melalui Sikap Saling Menghormati

Sikap saling menghormati ialah satu tindakan individu yang merendah diri dalam apa juga keadaan (Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah, 2021). Sikap saling menghormati meliputi perasaan manusia berusaha untuk menghargai tindakan anggota komuniti yang lain. Oleh itu, manusia akan lebih giat bertindak memuliakan seseorang individu lain dalam kelompok komuniti mereka.

Sikap saling menghormati mampu dilihat pada tajuk cerita *Syeikh Musa Pengasas Gua Musang*. Sikap ini jelas diperincikan dalam petikan di bawah:

Petikan 2

Melalui makluman itu, Syeikh Musa telah menemui Tok Linggi sebagai tanda menghormati kumpulan pengembala yang lain.

(Abu Bakar Jusoh, 2022)

Berdasarkan petikan di atas, sikap saling menghormati mampu dilihat pada watak Tok Linggi dan Syeikh Musa. Petikan ini menceritakan tentang dua kumpulan pengembala yang berhenti berehat di sebatang sungai. Walau bagaimanapun, kedua kumpulan ini tidak saling mengetahui keberadaan masing-masing. Keberadaan kumpulan Tok Linggi diketahui setelah salah seorang pengikut Syeikh Musa melihat kumpulan tersebut. Oleh itu, pengikut Syeikh Musa memberitahu hal itu kepada Syeikh Musa. Syeikh Musa yang mengetahui hal itu telah mendatangi Tok Linggi. Tindakan Syeikh Musa dilihat sangat menghormati dan menjaga adab apabila sanggup menemui Tok Linggi.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan moral memperlihatkan peristiwa yang berlaku mampu mematangkan pemikiran seseorang manusia. Pengalaman yang dilalui memberi keyakinan dan kepercayaan kepada seseorang manusia untuk sentiasa menjaga perlakuannya. Melalui petikan di atas, pengalaman watak Syeikh Musa bertembung dengan kumpulan Tok Linggi dilihat sebagai pembuka membentuk ukhwah bagi kedua kumpulan. Akhirnya, kedua kumpulan mampu mencapai kata sepakat untuk saling menyebar ilmu agama kepada masyarakat.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hati budi masyarakat Melayu dalam cerita rakyat di Gua Musang, Kelantan banyak mengajar tauladan yang baik kepada anak-anak muda. Melalui cerita rakyat yang disampaikan, anak-anak muda mampu didedahkan dengan adab yang perlu sentiasa diamalkan. Penyampaian sebegini mampu mendidik perwatakan anak-anak muda ke arah lebih baik. Rentetan itu, didikan menerusi cerita rakyat Melayu mampu membina sahsiah mulia dalam kalangan anak muda pada hari ini.

RUJUKAN

- Asmiaty Amat & Nor Suhaila Sulaiman. (2023). Watak dan Nilai Positif dalam Cerita Jenaka Etnik Peribumi Terpilih di Sabah. *Malay Literature*. 36(1), 1-24.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Akal Budi dalam Cerita Rakyat di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. *Jurnal Melayu*. 21(1), 129-144.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajaran Melayu*. 6, 95-116.
- Muhammad Zaid Daud, Mary Fatimah Subet & Awang Azman Awang Pawi. (2023). Interpretasi Politik Tempatan dalam Ungkapan “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai”: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*. 6(1), 23-35.
- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah. (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *Teniat*. 18-29.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal*. 3(2), 147-160.